

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 30

HUKUM PEMAKAIAN CINCIN KEMALUAN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memperaku keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-229 yang bersidang pada 23 hingga 25 Safar 1444H bersamaan 20 hingga 22 September 2022M sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Pemakaian Cincin Kemaluan. Jawatankuasa berpandangan bahawa hukum pemakaian cincin kemaluan (zakar) **adalah berbeza mengikut keperluan individu** seperti berikut:

- a) Jika seorang suami menggunakan cincin zakar atas nasihat doktor pakar muslim yang bertauliah dengan kaedah yang betul dan alat tersebut diperbuat daripada bahan yang tidak memudaratkan untuk melakukan hubungan kelamin bersama isterinya, maka ia **diharuskan**.
- b) Bahkan dalam situasi tertentu, jika itulah satu-satunya cara yang sesuai dan diperakukan oleh doktor pakar muslim yang bertauliah untuk si suami melunaskan tanggungjawab nafkah batin kepada isterinya, maka ia boleh menjadi **wajib**;
- c) Manakala hukumnya menjadi **sunat** (digalakkan) jika ia memang boleh memberi 'kenikmatan tambahan' dalam hubungan suami isteri dalam keadaan yang biasa dan suami mampu mendapatkannya dengan mudah;
- d) Manakala menjadi **makruh** (tidak digalakkan) jika tiada keperluan yang munasabah, bahkan membebankan suami atau isteri dalam penggunaannya;
- e) Adapun jika ia digunakan semata-mata kerana nafsu syahwat, melibatkan bahan yang boleh memudaratkan dan digunakan dengan pasangan yang tidak sah, maka hukumnya **adalah diharamkan**.

Tarikh : 18 Oktober 2022
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9
Status Fatwa : **Tidak Warta**

Saya yang menjalankan amanah


(SS. DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak